

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 19, 2018 11:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Juara Pertandingan Universiti Awam Bebas Denggi 2018



19 JULAI 2018 / 6 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Pusat Kesihatan Universiti dan Seksyen Media UKK
Gambar oleh: Pusat Kesihatan Universiti

UUM JUARA PERTANDINGAN UNIVERSITI AWAM BEBAS DENGGI 2018



UUM ONLINE: Selangor - Usaha Universiti Utara Malaysia (UUM) membanteras penularan wabak denggi berbaloi apabila dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Universiti Awam Bebas Denggi 2018.

Bertemakan “Komuniti ASEAN Membanteras Denggi” pertandingan tersebut disertai 20 Universiti Awam seluruh negara sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN.

Selain itu, UUM turut memenangi kategori Pengurusan Denggi Terbaik sekali gus membawa pulang jumlah wang kemenangan RM 7,000.

Hadiah kemenangan disampaikan Menteri Kesihatan Malaysia, YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad yang turut menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Denggi Peringkat ASEAN 2018 di Sekolah Rendah Agama Kampung Sungai Kayu Ara Damansara Utama, Petaling Jaya, Selangor.

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UUM, Dr. Wan Zarina Wan Mahmud yang mewakili Naib Canselor pada majlis itu berkata hadiah kemenangan ini akan digunakan untuk perancangan aktiviti memerangi Aedes seterusnya.

"UUM sangat komited dalam memerangi Aedes dan bagi tujuan itu pelbagai tindakan juga telah dirancang bagi meneruskan dan menambahbaik pencapaian UUM dalam usaha memerangi Aedes," jelasnya.

Tambahnya, kemenangan ini adalah kemenangan bersama kerana UUM menerima sokongan dan kerjasama yang kuat daripada semua pihak termasuk pihak pengurusan tertinggi dan ketua-ketua jabatan, serta jabatan yang terlibat secara langsung seperti Unifilm, Institut Pengurusan Kualiti, Pusat Budaya dan Seni, Inapan Siswa khususnya Inapan Siswa MISC dan tidak lupa pelajar dan seluruh warga UUM.

Sementara itu Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak mengucapkan tahniah kepada pasukan UUM khasnya kepada PKU atas kejayaan tersebut.

Beliau turut menyatakan sokongannya terhadap program memerangi Aedes dan berharap PKU akan terus meningkatkan usaha memerangi Aedes di seluruh kawasan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.